



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PEMBENTUKAN MODAL TETAP KASAR 2024

Pembentukan Modal Tetap Kasar melonjak 12.0 peratus pada tahun 2024, mencapai nilai RM352.3 bilion

PUTRAJAYA, 29 JULAI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (*DOSM*) menerbitkan statistik Pembentukan Modal Tetap Kasar (*PMTK*) 2024. *PMTK* Malaysia mencatatkan nilai RM352.3 bilion pada harga malar bagi tahun 2024 berbanding RM314.5 bilion pada tahun 2023. Aliran masuk pelaburan asing (*FDI*) yang kukuh serta pertumbuhan pelaburan domestik yang berterusan telah menyumbang kepada Pembentukan Modal Tetap Kasar bagi tahun 2024.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "PMTK kekal sebagai komponen kedua terbesar kepada KDNK merangkumi 21.3 peratus daripada keseluruhan ekonomi. *PMTK* mencatatkan pertumbuhan dua digit 12.0 peratus pada tahun 2024 berbanding 5.4 peratus pada tahun 2023. Kesemua sektor menunjukkan pembentukan modal lebih kukuh pada tahun 2024, terutamanya bagi sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Pelaburan dalam asset tetap yang tinggi bagi sektor Perkhidmatan didorong oleh subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi dan Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan masing-masing meningkat 16.4 peratus dan 13.6 peratus."

Selain itu, sektor Pembuatan berkembang 11.8 peratus (2023: 5.4%) diterajui oleh pembentukan modal tetap yang kukuh dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal dan peralatan pengangkutan (2024: 15.6%; 2023: 6.5%), diikuti oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (2024: 10.4%; 2023: 4.5%). Sementara itu, subsektor Makanan, minuman dan tembakau juga meningkat 10.1 peratus berbanding 9.2 peratus pada tahun sebelumnya. *PMTK* bagi sektor Perlombongan & pengkuarian bertumbuh 2.4 peratus daripada 2.7 peratus pada tahun 2023. Sementara itu, sektor Pertanian meningkat 3.1 peratus berbanding 0.8 peratus pada tahun 2023, disokong oleh pelaburan yang lebih tinggi dalam subsektor Ternakan & perikanan serta Pertanian lain. Selain itu, sektor Pembinaan meningkat kepada 4.6 peratus daripada 2.6 peratus pada tahun 2023.

Melihat kepada pembentukan modal mengikut jenis aset, Struktur kekal sebagai komponen terbesar yang menyumbang 51.5 peratus (2023: 50.1%) daripada keseluruhan PMTK, melonjak 15.3 peratus pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, Peralatan ICT dan jentera & peralatan lain turut mencatatkan pertumbuhan dua digit 14.8 peratus, diikuti oleh Produk harta intelek yang bertumbuh 3.1 peratus pada tahun 2024. PMTK mengikut sektor, sektor Swasta terus menjadi peneraju utama dengan sumbangan sebanyak 77.4 peratus, berkembang 12.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, pertumbuhan pelaburan sektor Awam juga menunjukkan trend peningkatan yang sama, merekodkan pertumbuhan 11.1 peratus berbanding 8.5 peratus pada tahun 2023 (sumbangan: 22.6%).

Mengulas lanjut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Aktiviti Perkhidmatan dan Pembuatan terus menjadi pemacu utama kepada PMTK sektor Swasta. Sumbangan aktiviti Perkhidmatan meningkat kepada 65.7 peratus (2023: 64.1%). Selain itu, aktiviti Pembuatan mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang kedua terbesar dengan sumbangan sebanyak 22.6 peratus. Sementara itu, aktiviti-aktiviti lain menyumbang 11.7 peratus kepada jumlah PMTK sektor Swasta. Pada masa yang sama, PMTK sektor Awam juga dipacu oleh aktiviti Perkhidmatan yang menyumbang 79.3 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti Perlombongan & pengkuarian dan Pembuatan, masing-masing dengan sumbangan sebanyak 10.2 peratus dan 9.6 peratus."

Berbanding dengan negara-negara di rantau ASEAN, beberapa negara mencatatkan prestasi PMTK yang lebih baik pada harga semasa, terutamanya di Indonesia dan Singapura, masing-masing mencatatkan pertumbuhan 10.6 peratus dan 5.4 peratus. Sementara itu, pelaburan aset tetap bagi Thailand bertumbuh 0.4 peratus pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya.

Statistik PMTK bagi tahun 2022 dan 2023 telah disemak semula berdasarkan laporan tahunan Syarikat yang dikemaskini, Banci Ekonomi 2023 serta data sekunder daripada agensi yang berkaitan. Semakan semula ini berpandukan kepada amalan statistik terbaik selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan kebolehpercayaan, kebolehbandingan dan menyediakan statistik yang terkini.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 29 Julai 2025

Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 JULAI 2025**

LAMPIRAN

CARTA

1


PMTK: Nilai dan Perubahan Peratusan Tahunan pada Harga Semasa dan Harga Malar 2015



CARTA

2

PMTK: Peratus Sumbangan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

GROSS FIXED CAPITAL FORMATION 2024

***Gross Fixed Capital Formation surged by 12.0 per cent in 2024,
reaching a value of RM352.3 billion***

PUTRAJAYA, 29 JULY 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the statistics on Gross Fixed Capital Formation (GFCF) for 2024. Malaysia's GFCF recorded a value of RM352.3 billion at constant prices in 2024, compared to RM314.5 billion in 2023. Strong foreign direct investment (FDI) inflows and sustained domestic investment growth have contributed to Malaysia's robust Gross Fixed Capital Formation in 2024.

According to Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The GFCF remained the second largest component of GDP, accounting for 21.3 per cent of the total economy. GFCF registered a double-digit growth of 12.0 per cent in 2024 as compared to 5.4 per cent in 2023. All sectors showed stronger capital formation in 2024, particularly in the Services and Manufacturing sectors. Higher investment in fixed assets of the Services sector was mainly driven by Transportation & storage and information & communication and Finance, insurance, real estate and business services sub-sectors, which increased by 16.4 per cent and 13.6 per cent, respectively."

Additionally, the Manufacturing sector expanded by 11.8 per cent (2023: 5.4%), led by stronger capital formation in the Electrical, electronic & optical products and transport equipment (2024: 15.6%; 2023: 6.5%), followed by Petroleum, chemical, rubber and plastic products (2024: 10.4%; 2023: 4.5%) sub-sectors. Furthermore, the Food, beverages and tobacco sub-sector also increased 10.1 per cent as compared to 9.2 per cent in the previous year. The GFCF for the Mining & quarrying sector grew by 2.4 per cent from 2.7 per cent in 2023. Meanwhile, the Agriculture sector increased by 3.1 per cent as compared to 0.8 per cent in 2023, supported by higher investment in Livestock & fishing and Other agriculture sub-sectors. Moreover, the Construction sector rose to 4.6 per cent from 2.6 per cent in 2023.

Looking at the capital formation by type of asset, Structure remained the largest component representing 51.5 per cent (2023: 50.1%) of the total GFCF, surging by 15.3 per cent in 2024 compared to the previous year. On the other hand, ICT equipment

and other machinery & equipment also recorded a double-digit growth of 14.8 per cent, followed by Intellectual property products which grew by 3.1 per cent in 2024. In terms of GFCF by sector, the Private sector continued to be the main contributor with a share of 77.4 per cent, registering an expansion of 12.3 per cent growth as compared to the preceding year. In addition, the Public sector investment growth also showed a similar upward trend, recording an increase of 11.1 per cent as compared to 8.5 per cent in 2023 (share: 22.6%).

Commenting further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The Services and Manufacturing activities continued to be the main drivers of the Private sector's GFCF. The share of Services activities rose to 65.7 per cent (2023: 64.1%). Moreover, Manufacturing activities upheld their position as the second largest contributor with a share of 22.6 per cent. Meanwhile, other activities accounted for 11.7 per cent of the total GFCF of the Private sector. On the same note, the GFCF of the Public sector was also driven by the Services activities, contributing 79.3 per cent. This was followed by Mining & quarrying and Manufacturing activities, with contributions of 10.2 per cent and 9.6 per cent, respectively."

Compared with countries in the ASEAN region, some registered better growth in GFCF at current prices, especially for Indonesia and Singapore, which posted 10.6 per cent and 5.4 per cent growth, respectively. Meanwhile, fixed asset investment in Thailand grew by 0.4 per cent in 2024 as compared to the preceding year.

The GFCF statistics for the year 2022 and 2023 have been revised based on latest data from company's annual reports, the Economics Census 2023 and secondary data from relevant agencies. There revisions comply with the best statistical practices aligned with international standards to ensure the reliability, comparability and provide timely statistics.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, July 29th 2025

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:


**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
29 JULY 2025**

APPENDIX

CHART

1


GFCF: Value and Annual Percentage Change at Current Prices and Constant 2015 Prices



CHART

2

GFCF: Percentage Share by Type of Assets at Constant 2015 Prices



Source: Department of Statistics Malaysia